

Mencari Pembantu Setia

Daripada Abu Said al-Khudri RA, katanya Rasulullah SAW bersabda:

مَا بَعَثَ اللَّهُ مِنْ نَبِيٍّ، وَلَا اسْتَخْلَفَ مِنْ خَلِيفَةٍ، إِلَّا كَانَتْ لَهُ بَطَانَتَانِ: بَطَانَةٌ تَأْمُرُهُ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَاهُ عَنِ الْمُنْكَرِ، وَبَطَانَةٌ تَأْمُرُهُ بِالشَّرِّ وَتَنْهَاهُ عَنِ الْبِرِّ، وَالْمَعْصُومُ مَنْ عَصَمَ اللَّهُ

Maksudnya: “Tidaklah Allah membangkitkan Nabi dan tidaklah menggantikan daripada khalifah kecuali baginya dua pembantu, pembantu yang menyuruhnya amar makruf dan menggesa ke arahnya dan pembantu yang menyuruhnya dengan kejahatan serta menggesanya, sedangkan yang ma'sum (yang terpelihara) ialah siapa yang Allah peliharanya.”

Riwayat al-Bukhari dalam *al-Sahih* (13/201) no. (7198)

Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Penulis menaqqalkan pandangan Ustaz Abu al-Hasan Ali al-Nadwi melalui kitabnya, *Apakah Ruginya Dunia dengan Kejatuhan Umat Islam* yang memperkatakan tentang kepimpinan Islam yang terpilih dan unik ini di bawah tajuk “Zaman Kepimpinan Islam dan Pemimpin-pemimpin Islam dan Sifat-sifat Mereka” iaitu:
 - i. Umat Muslimin muncul memimpin dunia. Mereka memecat umat-umat palsu dari kepimpinan umat manusia dengan penuh kesungguhan, bijaksana dan adil. Mereka mempunyai sifat-sifat yang cukup yang melayakkan umat yang berada di bawah naungan dan pimpinan mereka.

- ii. Para pemimpin Islam mempunyai Kitab Suci dan syariat yang diturunkan Allah SWT. Mereka tidak membuat undang-undang sendiri, kerana pengubalan undang-undang sendiri itu merupakan punca kejahatan, kesalahan dan kezaliman. Mereka tidak bertindak lintang pukang dalam segala perilaku dan tindak tanduk politik mereka dan dalam cara-cara mereka berinteraksi dengan manusia. Allah SWT telah mengurniakan cahaya kepada mereka, yang membolehkan mereka berjalan dengan betul di kalangan umat manusia. Allah SWT mengurniakan syariat kepada mereka yang membolehkan mereka mengadili manusia. Firman Allah SWT:

أَوَمَنْ كَانَ مَيِّتًا فَأَحْيَيْنَاهُ وَجَعَلْنَا لَهُ نُورًا يَمْشِي بِهِ فِي النَّاسِ كَمَنْ مَثَلُهُ فِي الظُّلُمَاتِ لَيْسَ بِخَارِجٍ مِّنْهَا كَذَلِكَ زُيِّنَ لِلْكَافِرِينَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Maksudnya: Dan apakah orang yang sudah mati kemudian dia kami hidupkan dan Kami berikan kepadanya cahaya yang terang, yang dengan cahaya itu dia dapat berjalan di tengah-tengah masyarakat manusia, serupa dengan orang yang keadaannya berada dalam gelap gelita yang sekali-sekala tidak dapat keluar darinya? Demikianlah kami jadikan orang kafir itu memandang baik apa yang telah mereka kerjakan.

(Surah al-An'am: 122)

Firman Allah SWT lagi:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ ۗ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَتَانُ قَوْمٍ عَلَيْكُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا ۗ أَعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ

Maksudnya: Hai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu menjadi orang-orang yang selalu menegakkan (kebenaran) kerana Allah, menjadi saksi dengan adil. Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah kerana adil itu lebih dekat kepada takwa dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.

(Surah al-Maidah: 8)

- iii. Para Pemimpin Islam memegang teraju pemerintahan dan kepimpinan tanpa mendapat didikan akhlak dan tanpa menjalani pembersihan jiwa iaitu berlainan

dengan kebanyakan umat, individu-individu dan pegawai-pegawai pemerintah dahulu dan sekarang, malah mereka tinggal sekian lama di bawah didikan dan kepimpinan Nabi Muhammad SAW yang membersihkan jiwa mereka, mengajar adab sopan kepada mereka dan melatih mereka dengan sifat-sifat zahid, warak, bersih hati, amanah, mementingkan kebajikan orang lain, takut kepada Allah SWT dan tidak bercita-cita dan tamak untuk menjadi ketua. Dalam hal ini, Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّا وَاللَّهِ لَا نُؤَلِّي هَذَا الْعَمَلَ أَحَدًا سَأَلَهُ أَوْ أَحَدًا حَرَصَ عَلَيْهِ مَتَّفِقٌ عَلَيْهِ.

Maksudnya: "Sesungguhnya kami, demi Allah, tidak melantikkan ke jawatan ini (jawatan ketua) seseorang yang memohonnya atau seseorang yang sangat meminatinya."

Telinga mereka sentiasa terdengar firman Allah SWT:

تِلْكَ الدَّارُ الْآخِرَةُ نَجْعَلُهَا لِلَّذِينَ لَا يُرِيدُونَ عُلُوًّا فِي الْأَرْضِ وَلَا فُسَادًا ۖ وَالْعَاقِبَةُ
لِلْمُنْفِقِينَ

Maksudnya: Negeri akhirat itu Kami jadikan untuk orang-orang yang tidak ingin menyombongkan diri dan membuat kerosakkan di (muka) bumi dan kesudahan (yang baik) itu adalah bagi orang-orang yang bertakwa.

(Surah al-Qasas: 83)

2. Apabila mereka dilantik ke jawatan pegawai pemerintah, maka mereka tidak menganggap jawatan itu sebagai suatu hasil keuntungan atau perolehan atau bayaran kepada pengorbanan usaha tenaga dan harta yang dilakukan mereka, malah mereka anggapkannya sebagai suatu amanah yang diletakkan di atas bahu mereka dan sebagai suatu ujian dari Allah SWT. Mereka sedar bahawa mereka akan dibawa di hadapan Allah SWT dan bertanggungjawab kepada-Nya dalam semua urusan pentadbiran baik yang kecil mahupun yang besar. Mereka sentiasa teringat kepada firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا
بِالْعَدْلِ ۚ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا

Maksudnya: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila

menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat.

(Surah al-Nisa': 58)

Allah SWT berfirman lagi:

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ خَلْقَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ لِيَبْلُوكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ

Maksudnya: *Dan Dialah yang menjadikan kamu penguasa-penguasa di bumi dan Dia meninggikan sebahagian kamu atas sebahagian (yang lain) beberapa darjat, untuk mengujimu tentang apa yang diberikan-Nya kepadamu. Sesungguhnya Tuhanmu amat cepat seksaannya dan sesungguhnya Dia Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.*

(Surah al-An'am: 165)

Kerana itu mereka tidak berlumba-lumba untuk merebut jawatan-jawatan, apatah lagi untuk mencalonkan diri mereka ke jawatan-jawatan ketua, atau menonjolkan kebaikan diri mereka, atau berkempen untuk menaikkan diri mereka atau membelanjakan harta untuk mendapatkan jawatan-jawatan.

3. Para Pemimpin Islam bukannya berkhidmat untuk kepentingan perkauman, mereka bukannya wakil-wakil suatu bangsa atau suatu negeri yang berjuang untuk kemakmuran dan kepentingan bangsa dan negeri itu sahaja atau percaya bahawa bangsa dan negeri mereka sahaja yang mempunyai kelebihan yang mengatasi segala bangsa dan negeri lain dan bahawa mereka sahaja yang dijadikan untuk memerintah dan bangsa-bangsa yang lain adalah dijadikan untuk diperintah mereka.
4. Mereka tidak dilahirkan untuk membangun Empayar Arab yang mewah makmur, di mana mereka berlagak angkuh dan sombong di bawah naungannya dan mengeluarkan manusia dari penjajahan Rom dan Parsi kepada pemerintah Arab atau pemerintah mereka sendiri, malah mereka dilahirkan untuk mengeluarkan manusia dari menyembah sesama manusia kepada menyembah Allah Yang Tunggal seperti yang diucapkan oleh Rabi'

Ibn Amir di majlis Yazdajard: Allah SWT telah mengutuskan kami untuk mengeluarkan manusia dari menyembah sesama manusia kepada menyembah Allah Yang Tunggal, dan dari kesempitan dunia kepada keluasan Akhirat, dan dari kezaliman agama-agama kepada keadilan Islam.

5. Semua bangsa dan semua manusia di sisi para pemimpin Islam adalah sama sahaja iaitu semuanya dari keturunan Adam dan Adam berasal dari tanah. Tiada kelebihan bagi bangsa Arab ke atas bangsa bukan Arab dan tiada kelebihan bagi bangsa bukan Arab ke atas bangsa Arab melainkan dengan takwa. Firman Allah SWT:

يٰٓأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْفَعَكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Maksudnya: *Hai manusia sesungguhnya kami menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling mengenali. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.*

(Surah al-Hujurat: 13)

6. Umar bin al-Khattab pernah berkata kepada Amr Ibn al-As, Gabenor Mesir apabila anaknya telah memukul seorang Mesir dan berbangga-bangga dengan keturunannya sambil berkata: Nah ambil ini dari seorang anak bangsawan. Lalu Umar mengenakan hukuman pukul balas dan berkata: Bila lagi awak memperhambakan manusia, sedangkan mereka dilahirkan ibu mereka dengan keadaan merdeka?
7. Mereka tidak bakhil menyebarkan pengajaran agama, ilmu pengetahuan dan pendidikan yang diketahui mereka kepada siapa sahaja. Mereka tidak memandang keturunan, warna kulit dan negeri apabila mereka menghukum, memerintah dan menilaikan kelebihan, malah mereka laksana awan yang memayung seluruh negeri dan manusia atau laksana hujan yang mencurah di atas bumi lembut dan keras dan dapat dimanfaatkan oleh semua negeri dan manusia mengikut kadar penerimaan dan kesediaan masing-masing.

8. Di bawah naungan dan pemerintahan mereka, semua bangsa walaupun yang pernah ditindas sebelumnya dapat menerima habuan masing-masing dalam bidang pengajaran agama, ilmu pengetahuan, pendidikan dan kerajaan dan turut berkerjasama dengan bangsa Arab dalam usaha membina sebuah dunia baru, malah ramai dari tokoh-tokoh mereka mengatasi orang-orang berketurunan Arab dalam setengah-setengah bidang ilmu pengetahuan. Di antara mereka terdapat imam-imam, pakar-pakar Fiqh dan Hadis yang merupakan mahkota-mahkota di atas kepada umat Arab dan umat Muslimin seluruhnya.
9. Manusia itu tersusun dari jisim dan roh. Ia mempunyai hati, minda, sentimentimen dan anggota-anggota. Oleh itu, manusia tidak akan berbahagia, berjaya dan mencapai kemajuan yang seimbang melainkan seluruh (kekuatan ini) subur dan berkembang dengan seimbang dan layak dengannya serta mendapat makanan yang baik. Tamadun yang baik tidak akan wujud kecuali manusia terdidik dalam alam sekitar keagamaan, didikan akhlak, didikan minda dan raga yang memungkinkan mereka dengan mudah untuk mencapai kesempurnaan insaniah. Jalan ini, menurut pengalaman, tidak mungkin berlaku melainkan apabila teraju kepimpinan dan pentadbiran tamadun itu berada di tangan orang-orang yang beriman kepada roh dan benda, yang dapat menunjukkan contoh-contoh yang baik dalam kehidupan keagamaan dan akhlak serta mempunyai akal yang sejahtera dan bijaksana dan mempunyai ilmu pengetahuan yang benar dan berguna.
10. Pada akhirnya beliau berkata ketika memperkatakan tajuk: Peranan Pemerintahan Khalifah-khalifah al-Rasyidin selaku contoh mithali tamadun yang soleh.
11. Demikianlah apa yang telah berlaku, kita tidak dapati mana-mana peranan dalam sejarah yang lebih sempurna, lebih indah dan cemerlang dari peranan yang dimainkan dalam pemerintahan khalifah al-Rasyidin, di mana kekuatan roh, akhlak, agama, ilmu pengetahuan dan segala peralatan material bekerjasama dengan sepadu dalam membentuk manusia yang sempurna dan melahirkan tamadun yang soleh, kerajaan mereka merupakan kerajaan yang terbesar di dunia, dan merupakan satu kuasa politik yang teragung di zamannya.
12. Dalam pemerintahan mereka, muncul contoh-contoh akhlak yang tinggi dalam kehidupan rakyat dan sistem pemerintahan, juga dalam kegiatan perniagaan dan perusahaan.

13. Kemajuan akhlak dan rohaniah adalah sejajar dengan keluasan wilayah yang ditakluk mereka dan dengan tamadun yang dibangunkan mereka. Perlakuan jenayah amat kurang jika dibandingkan dengan keluasan negara dan bilangan penduduknya. Hubungan di antara individu dengan individu dan individu dengan masyarakat terus bertambah baik. Itulah peranan yang sempurna yang tidak diimpikan manusia lebih maju dari itu dan tidak pernah diandaikan oleh tukang-tukang sihir lebih cemerlang dari itu.

Mutiara Hikmah

- ❖ **Abu Nawas** sudah menuliskan riwayat hidup al-Khashib, seorang penguasa di Mesir dan mengabdikan namanya dalam catatan sejarah. Kemudian Abu Nawas berkata: Jika tunggangan kami tidak mengunjungi tanah al-Khashib maka tanah mana lagi yang patut untuk dikunjungi, tidak ada kuda yang boleh melampauinya dan tidak boleh dilakukannya. Namun kuda akan berjalan ke mana dia akan berjalan. Pemuda membeli pujian dengan hartanya, dan tahu bahawa semua roda sentiasa berputar. Tidak akan ada kenangan yang dikatakan oleh orang tentang hidup al-Khashib dan tentang masa-masa pemerintahannya kecuali rangka-rangka tersebut. Sedangkan sumber-sumber lain tidak ditemui langsung, walaupun mungkin ada bagaimanapun ianya tidaklah mengurangi nilai dan kehebatan madah dan puisinya itu.
- ❖ **Pujangga berkata:** Sebaik-baik pemimpin adalah yang suka mendengar nasihat para ulama dan berdamping dengan mereka.

Kisah Teladan

Segala sesuatu diciptakan oleh Allah adalah dengan kebijaksanaan-Nya. Bahkan haiwan yang paling hina dan berbisa, seperti lalat, kutu, ular dan kala jengking kesemuanya itu diciptakan oleh Allah dengan kebijaksanaan-Nya. Diceritakan, bahawa pada suatu hari seorang ulama mendatangi Abu Jaafar al-Mansur.

Kemudian ada seekor lalat masuk ke dalam lubang hidung Khalifah Abu Jaafar al-Mansur lalu beliau menghalau lalat tersebut, namun lalat itu kembali semula